## SYARAT ASAS KELAYAKAN PERMOHONAN BANTUAN PEMBANGUNAN

01. Koperasi berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 (baharu/sedia ada);
02. Undang-undang kecil koperasi (UUK) membenarkan koperasi menjalankan aktiviti perniagaan mengikut sektor ekonomi;
03. Mempunyai pengurusan dan pentadbiran yang baik/ memuaskan;
04. Mematuhi perundangan koperasi (Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan Koperasi, Garis Panduan);
05. Mematuhi undang-undang lain yang berkaitan bagi melaksanakan aktiviti perniagaan mengikut sektor ekonomi (jika berkaitan);
06. Memperoleh kebenaran/kelulusan dan lesen daripada pihak berkuasa tertentu bagi melaksanakan aktiviti perniagaan mengikut sektor ekonomi (jika berkaitan);
07. Membuat kajian yang menyeluruh dari segi daya maju projek, potensi pasaran dan mampu untuk mengekalkan prestasi perniagaan dalam jangka panjang;
08. Tiada tunggakan TMP-SKM, KWAP, Fee Audit dan lain-lain bayaran statutori yang dikenakan oleh SKM;
09. Koperasi yang telah menerima Bantuan Pembangunan boleh memohon semula tertakluk kepada prestasi bantuan sebelum ini.

## KAEDAH PERMOHONAN BANTUAN PEMBANGUNAN

**LANGKAH 1** (1)
Mendapatkan kelulusan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT)/ Mesyuarat Anggota Lembaga untuk pelaksanaan projek yang dicadangkan

**LANGKAH 2** (2)
Mendapatkan bimbingan Pegawai Wilayah/Pegawai Pembangunan Negeri untuk penyediaan kertas kerja dan dokumentasi permohonan

**LANGKAH 3** (3)
Mengakses sistem permohonan atas talian di pautan:
https://apponline.skm.gov.my/

**LANGKAH 4** (4)
Mengisi maklumat koperasi di "Daftar Pengguna Baru" atau klik "Daftar Masuk" bagi pengguna sedia ada

**LANGKAH 5** (5)
Mengisi ID pengguna dan kata laluan

**LANGKAH 6** (6)
Mengisi maklumat kewangan dan bukan kewangan serta memuatnaik dokumen projek

**LANGKAH 7** (7)
Menyemak maklumat dan mengemukakan permohonan melalui sistem

**LANGKAH 8** (8)
Status permohonan boleh disemak dari semasa ke semasa melalui sistem

## SENARAI DOKUMEN PERMOHONAN YANG PERLU DIMUATNAIK

01. Kertas kerja projek yang merangkumi perancangan perniagaan dan pengoperasian koperasi, kos keseluruhan projek, carta perbatuan, jangkaan risiko, strategi, potensi/daya maju serta maklumat lain yang berkaitan
02. Penyata kewangan teraudit 2 tahun terakhir
03. Butiran kos bantuan yang dipohon
04. Cabutan minit mesyuarat agung
05. Cabutan minit mesyuarat lembaga
06. Sebut harga
07. Gambar-gambar sokongan bagi projek yang dipohon
08. Penyata terimaan dan bayaran bagi 6 bulan terakhir/ akaun pengurusan (bagi projek baharu)
09. Penyata bank terkini
10. Ulasan teknikal daripada agensi teknikal yang berkaitan dengan projek
11. Dokumen lain yang menyokong seperti Surat Kebenaran Badan Berkuasa, Perjanjian Sewaan /Surat Ikatan antara Pihak Berkaitan, Lesen Perniagaan/ Lesen-lesen lain yang berkaitan

SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

# BANTUAN PEMBANGUNAN KOPERASI


**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, Bukit Damansara,
50490 Kuala Lumpur, Malaysia.

03-2083 4000
03-2083 4100
www.skm.gov.my

## PROGRAM PEMBANGUNAN PERNIAGAAN MELALUI KOPERASI 2.0

Memberi kemudahan bantuan kewangan dalam bentuk geran/geran sepadan kepada koperasi yang berpotensi untuk melaksana dan memantapkan aktiviti/ perniagaan yang sedang dan akan dilaksanakan

**JUMLAH BANTUAN**

Sehingga RM300,000

**SKOP PENGGUNAAN BANTUAN**

- Ubahsuai/naiktaraf premis/ bangunan/ apa-apa struktur binaan bagi tujuan perniagaan.
- Pembelian peralatan/ mesin/kelengkapan *(automated & computerized).*
- Pembelian jentera seperti *front shovel*, traktor, dll bagi tujuan pertanian dan perladangan yang diusahakan sendiri oleh koperasi (bukan untuk sewaan). Pemberian bantuan secara *(Matching Grant.)*
- Penyediaan kawasan, perparitan, pengairan, pembinaan kandang/ reban/sangkar, nurseri, sistem keselamatan (pagar), peralatan, log kelulut, penternakan burung walit dan lain-lain.

## PROGRAM PEMERKASAAN BEKALAN KOPERASI (SCOPE)

Memperkasa rantaian bekalan koperasi dalam sektor pemborongan dan peruncitan dengan menyediakan ekosistem dan landskap perniagaan yang kondusif dengan mengukuhkan DC/Sub-DC sedia ada atau mewujudkan DC/Sub-DC baharu

**JUMLAH BANTUAN**

DC/Sub-DC sedia ada sehingga RM100,000

DC/Sub-DC baharu sehingga RM300,000

### SKOP PENGGUNAAN **BANTUAN**

- Ubahsuai/ naiktaraf premis/ bangunan/ perniagaan.
- Peralatan gondola/ rak penyimpanan barangan kering dan rak cold room.
- Pendawaian elektrik dan lampu.
- Perkakasan dan perisian IT termasuk sistem pengurusan gudang dan pengedaran.
- Sistem keselamatan premis (alat pencegahan kebakaran, alarm sistem).
- Cold room/ Chilled room equipment/ freezer/ chiller.
- Kenderaan/ 4x4/forklift

## TABUNG BANTUAN KECEMASAN KOPERASI (TBKK)

Tabung yang diwujudkan di bawah Peraturan-Peraturan Koperasi (Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi) 2010 untuk memberi kemudahan bantuan kewangan kepada koperasi akibat sesuatu kejadian yang memberi kesan negatif ke atas aktiviti koperasi

### Kejadian yang memberi kesan negatif

- "Bencana Alam" termasuklah banjir, ribut, kilat, tanah runtuh, puting beliung, gempa bumi dan bencana alam lain
- "Faktor Luar Kawalan" termasuklah serangan serangga ke atas tanaman, penyakit kaki dan mulut, penyakit-penyakit lain yang boleh merosakkan tanaman atau haiwan dan renjatan elektrik

### Skop Penggunaan Bantuan

- Kos pembaikan kerosakan premis/ aset/ produk koperasi
- Membantu membangunkan semula aktiviti ekonomi koperasi yang terjejas akibat bencana alam dan faktor luar kawalan